

**DRAF TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

MAJLIS JASAMU DIKENANG

*12 Disember 2011 (Isnin), 1.00 tengah hari
Bilik Jamuan Auditorium, Aras 2 Bangunan Canselori*

1

Terima Kasih Saudari Pengerusi Majlis

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor bin Husain,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Kadim bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM

Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTeM

Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) UTeM

Y.Berusaha En. Hasan bin Sirun
Pendaftar

2

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti
Pesara dan bakal pesara yang diraikan
Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmatNya dapat kita berkumpul bersama pada petang yang amat bermakna ini bagi meraikan pesara di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
2. Majlis ini membawa erti yang istimewa kerana kita berpeluang meraikan tetamu yang telah menabur bakti kepada Universiti. Perjumpaan ini sudah tentu mengimbas kembali memori tuan/puan dengan pengalaman serta pahit manis di sepanjang berkhidmat di UTeM :

3

*Anak haruan lima-lima, Mari ditimpa punggur berdaun,
Budi tuan kami terima, Jadi kenangan bertahun-tahun.*

3. Seperti mana pembayang, begitulah maksudnya bagi insan-insan yang diraikan. Dari hati penuh keikhlasan, saya mewakili warga kerja dan pihak Pengurusan Tertinggi Universiti mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada **Cik Siti Noor Kiah binti Syed Abdul Malek, Encik Jais bin Sapuan, Cik Latnah binti Ninggal dan Puan Rohana binti Abdul Ghani** atas perkhidmatan yang telah disumbangkan di sepanjang tempoh pelantikan. Syabas dan tahniah diucapkan.

4

Para hadirin yang dihormati,

4. Persaraan memberi pelbagai pengertian bagi setiap penjawat awam. Hakikatnya, persaraan membawa pesara melangkah ke fasa 'baru' yang berikutnya dalam kehidupan yang perlu ditempuhi. Walau apa pun tafsirannya, bersara bukan bermakna berakhirnya sebuah kehidupan yang aktif. Yang lebih penting adalah ilmu dan pengalaman yang telah di kumpul dan diperkaya di sepanjang perkhidmatan tuan/ puan di sini. Ia pasti amat bernilai dan menjadi sumber kekuatan yang berharga dalam menempuh cabaran di alam persaraan. Saya percaya kita semua berfikiran positif terhadap persaraan dan menerimanya tanpa kejutan. Malah, persaraan harus dianggap sebagai satu peralihan yang memberi peluang bagi kita

5

memulakan satu lagi fasa kehidupan yang terus aktif dan menyeronokkan.

5. Saya yakin ada di kalangan pesara yang telah lama membuat perancangan serta perencanaan sebelum bersara dan telah bersedia memulakan kehidupan baru ini. Tidak kurang juga yang memilih untuk berehat seketika dan menghabiskan masa bersama keluarga. Walau apa pun senarionya, saya percaya tuan/puan tidak akan terus leka dengan kerehatan yang berpanjangan sebaliknya akan mengisi kehidupan selepas persaraan dengan melaksanakan sesuatu kerja atau aktiviti yang dapat memberi kepuasan dan manfaat untuk diri sendiri atau membawa sesuatu yang bermakna kepada keluarga dan masyarakat.

6

6. Membiarkan masa yang kosong seolah-olah mengakhiri kehidupan sebelum tiba masanya, seperti kata perumpamaan; *“life is like riding a bicycle. You don’t fall off unless you stop pedalling”*. Selagi berkeupayaan, tuan/puan harus tabah meniti perubahan dan cuba mendapatkan manfaat daripadanya. Umur tidak seharusnya membatasi pengisian ini kerana selagi kita menghargai kesihatan, kita akan sentiasa muda dan cergas. Bak kata pepatah; *“the first wealth is health”*. Dengan badan yang sihat, minda akan sentiasa cerdas dan aktif.

Hadiran hadirat sekalian,

7. Universiti akan kehilangan sekumpulan lagi staf yang berkebolehan dan berpengalaman. Kami amat menghargai jasa

7

tuan/puan dan berharap agar tuan/puan akan terus mengingati, mendampingi dan memberi sumbangan kepada Universiti ini sama ada secara langsung atau pun tidak. Sesungguhnya khidmat bakti yang ditaburkan akan terus berkembang dan mewangi di mana sahaja tuan/puan berada.

8. Walau apa pun aktiviti atau bidang yang tuan/puan pilih, saya berharap tuan/puan akan terus menjalani kehidupan harian yang lebih membahagiakan kepada diri sendiri, keluarga serta terus menyumbang kepada masyarakat dan negara.
9. Akhir kata, marilah kita mendoakan kebahagiaan dan kejayaan kepada mereka yang telah dan akan memulakan penghidupan selepas bersara. Terima kasih di atas jasa-jasa yang

8

dicurahkan, tenaga dan sumbangan tuan/puan yang sama-sama memajukan Universiti ini hingga Universiti berada pada tahap yang dibanggakan kini.

*Pisang emas dibawa belayar, Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar, Hutang budi dibawa mati.*

*Sungai Linggi tempat berenang; Tepinya dangkal airnya mati,
Tuan yang pergi budi dikenang; Kami yang tinggal menyambung bakti.*

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*